



TEORI DISONANSI KOGNITIF DAN PERSEPSI MAHASISWA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) TERHADAP KREDIBILITI BERITA POLITIK ATAS TALIAN

Mior Kamarulbaid Mior Shahid dan Ghaff Siti Hafidah Abd Ghaffar

Perbincangan mengenai persepsi masyarakat terhadap media, kesan penyiaran berita dan rencana yang disiarkan di media, sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak, khasnya apabila membincangkan kaitan media dengan berita politik. Persoalan persepsi yang sebelum ini dikaitkan dengan media tradisional, khasnya di akhbar, kini turut menjadi topik perbincangan kerana persepsi berkenaan sudah menular kepada media baru.

Berikutan pelbagai isu yang disiarkan di media baru, masyarakat mula mempersoalkan soal kredibiliti media baru berkenaan. Menurut Chung, Nam dan Stefanone (2012), kredibiliti adalah persepsi kualiti berdasarkan pelbagai faktor termasuk kepercayaan dan kepakaran. Normah Mustaffa, Faridah Ibrahim, Mus Chairil Samani dan Mohd. Helmi Abd. Rahim (2010) pula mendapati pemilihan isi kandungan dalam media bergantung kepada faktor kredibiliti. Menurut Kaye (1998) dalam Normah Mustaffa, Faridah Ibrahim, Mus Chairil Samani dan Mohd. Helmi Abd. Rahim (2010), internet yang mempunyai ciri-ciri yang membolehkan sesiapa sahaja mengakses dan memuat turun informasi tanpa memeriksa kebenarannya akan menjejaskan kredibiliti medium tersebut sebagai salah satu sumber informasi. Sekiranya dibandingkan dengan media tradisional, kredibiliti maklumat berasaskan laman sesawang ini kurang dipercayai kerana kekurangan peranan pengampang

atau *gatekeeper* untuk memantau kandungan sesuatu berita (Flanagin & Metzger, 2007). Khalayak perlu melakukan perbandingan untuk mengetahui sama ada maklumat dalam internet boleh dipercayai atau sebaliknya.

Teori Disonansi Kognitif dan Kredibiliti

Biasanya, untuk mengenal pasti punca kredibiliti media, asas permasalahan dilihat dari aspek teori akhbar. Di Malaysia, daripada empat teori akhbar yang diperkenalkan di dunia, media menjadikan tanggungjawab sosial sebagai asas dalam menyebarkan berita dan maklumat kepada khalayak. Malaysia tidak menerima teori authoritarian, libertarian dan komunis soviet. Teori tanggungjawab sosial membincangkan peranan suratkhbar sebagai medium penyampaian maklumat kepada pembaca dan kandungan berita yang dihasilkan adalah tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Oleh itu, suratkhbar bertanggungjawab ke atas setiap berita yang disiarkan kerana ia mampu mempengaruhi pembaca. Media akan kehilangan kredibiliti jika mereka menyeleweng daripada prinsip berkenaan.

Kajian-kajian lepas mendapati bahawa kredibiliti sumber dan kredibiliti informasi sangat penting terhadap kredibiliti berita dalam suratkhbar. Kajian berkaitan kredibiliti medium memberi jawapan yang berbeza-beza. Ada kajian mendapati akhbar mempunyai lebih kredibiliti berbanding internet. Bagaimanapun, terdapat pengkaji lain yang menyatakan bahawa internet mempunyai kredibiliti yang lebih tinggi berbanding surat khbar.

Bagi melihat soal kredibiliti media, teori disonansi kognitif menjelaskan, jika mesej yang diterima adalah tidak sesuai atau bertentangan dengan kepercayaan penerima mesej, akan berlaku proses kognitif dan psikologi (Cotton, 1985; Festinger, 1957; Hyman & Sheatsley, 1947; Klapper, 1960; Lazerfeld, Berelson, & Gaudet, 1948; McQuail, 1987; Severin & Tankard, 1998; Stone, Singletary & Richmond, 1999). Maklumat yang bertentangan